

JUDI DALAM TALIAN MENDORONG PERLAKUAN JENAYAH

Oleh: Nur Azura binti Mohd Rashid, 1171183

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 6 Jun 2020



Operasi judi haram di negara ini memasuki tahap membimbangkan. Kegiatan yang tidak berfaedah ini menimbulkan kesan buruk bukan sahaja terhadap individu yang melakukannya malah boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara.

Dahulu, kegiatan perjudian haram dijalankan di premis fizikal. Selari dengan perkembangan teknologi, aktiviti perjudian kini beroperasi secara dalam talian yang dilihat lebih pantas dan mudah.

Perjudian dalam talian adalah lebih membimbangkan kerana ia boleh menyebabkan seseorang individu hanyut dengan keseronokan yang sia-sia sehingga mengakibatkan wang dan harta dibazirkan untuk mengejar kemenangan yang belum pasti.

Seperti perjudian secara fizikal, kegiatan judi dalam talian boleh memporak-perandakan dan menghancurkan sesebuah keluarga. Mereka yang ketagih berjudi sanggup meminjam wang daripada ceti haram atau ah long tanpa memikirkan tentang kesan buruk yang bakal ditanggung.

Malah, segelintir kaki judi dalam talian sanggup melakukan penyelewengan dan menggelapkan wang milik pihak lain termasuk syarikat di mana mereka bekerja semata-mata untuk memuaskan ketagihan mereka.



Utusan Malaysia pada 14 Januari 2019 pernah melaporkan tentang perbuatan seorang bekas pembantu tadbir yang disyaki menyeleweng wang biasiswa milik sebuah agensi kerajaan negeri.

Dia dipercayai telah menggunakan sebahagian daripada wang itu untuk kegiatan perjudian dalam talian. Suspek juga dipercayai telah memalsukan dokumen berkaitan wang kutipan tabung untuk kegunaan pelajar asnaf.

Berdasarkan kes tersebut, dapat dilihat betapa buruknya kesan judi dalam talian terhadap individu yang terlibat. Mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk melanggar undang-undang bagi memuaskan ketagihan berjudi.

Sehubungan itu, kegiatan yang tidak berfaedah dan merugikan ini perlu dibanteras habis-habisan agar tidak mengakibatkan kerosakan yang parah dalam kalangan masyarakat. Sekiranya dibiarkan berleluasa, kegiatan judi dalam talian boleh mendorong perlakuan jenayah yang serius.

Salah satu kaedah yang boleh digunakan adalah dengan menyekat semua laman sesawang dan aplikasi perjudian dalam talian agar tidak boleh dicapai oleh rakyat Malaysia. Tindakan ini bukan sesuatu yang mustahil kerana kerajaan telah menyekat capaian kepada bahan pornografi di negara ini.

Mekanisme yang serupa boleh digunakan terhadap laman sesawang dan aplikasi perjudian dalam talian. Pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) seharusnya menjalinkan kerjasama bagi mengesan dan menyekat laman sesawang dan aplikasi terbabit.

Pihak berkuasa agama Islam juga hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap umat Islam yang didapati berjudi dalam talian. Perbuatan itu jelas haram dan pelakunya perlu diheret ke mahkamah syariah kerana melanggar hukum agama.

Selain itu, pendedahan tentang keburukan tabiat berjudi dalam talian perlu dilakukan secara berterusan agar rakyat tidak terjebak dalam perangkap yang akhirnya memudaratkan diri mereka sendiri.